



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

## Keratan Akhbar

### Berita Online

i

24 JAM

# BERITA

# KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

### Untuk makluman:

- |                       |                     |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri          | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP)   |
| ● YBhg. KSU           | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 13 JANUARI 2025



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR **KPDN**

## Petrol dalam tong untuk seleweng

**SEMPORNA** – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menumpaskan sindiket penyelewengan minyak petrol bersubsidi menerusi Op Tiris 3.0 dengan merampas 3,000 liter petrol.

Rampasan itu dibuat hasil serbuan ke atas sebuah stesen minyak di pekan Semporna oleh pasukan penguat kuasa KPDN cawangan Semporna kira-kira pulak 9 malam pada Khamis lalu.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDN Semporna, Dr. Jong Jee Leong berkata, tindakan berkenaan diambil adalah hasil risikan yang telah dilakukan oleh penguat kuasa KPDN sebelum operasi dijalankan.

Katanya, modus operandi sindiket itu adalah menggunakan lori serta mengisi minyak petrol



**KEADAAN** sebuah lori yang mengisi minyak petrol di dalam tong untuk dijual di pasaran gelap di Semporna pada Khamis lalu.

di beberapa stesen minyak sebelum dikumpulkan dan diedar di pasaran gelap.

"Hasil pemeriksaan ke atas semua lori berkenaan menemui sebanyak 120 tong mengandungi

ceair yang disyaki petrol dengan kuantiti keseluruhan berjumlah 3,000 liter.

Katanya, kes itu sedang dilakukan mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961.

**KEJAYAAN KPDN SEPANJANG 2024**

# Rampas barang RM111.359j

Oleh Mohd Jamilul  
Anbia Md Denin  
anbia@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

**U**saha gigih dibuktikan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kosara Hidup (KPDN) melalui Bahagian Penguat Kuasa apabila berjaya merampas pelbagai barang kawalan dan harta intelek berjumlah RM111.359 juta sepanjang 2024.

Kejayaan itu hasil usaha komitmen KPDN menguatkuaskan undang-undang perdagangan merangkumi aspek mengawal selia bekalan dan harga barang, membanteras aktiviti penyelewengaran barang kawalan dan bersubsidi, memberi perlindungan ke atas harta intelek dan melindungi hak-hak pengguna dalam negara.

Ketua Pengarah Penguat Kuasa KPDN Datuk Azman Adam berkata, berdasarkan statistik penguatkuasaan pada tahun 2024, sebanyak 845,630 pemeriksaan dilakukan berbanding tahun 2023 iaitu sebanyak 759,813 pemeriksaan.

"Ini menunjukkan jumlah peningkatan 11.29 peratus. Pemeriksaan

itu membabitkan pelbagai kategori premis termasuk di kawasan bandar dan luar bandar seluruh negara.

"Hasil pemeriksaan KPDN pada tahun 2024 berjaya menghasilkan 10,501 kes dengan nilai rampasan keseluruhan berjumlah RM111.359 juta.

"Manakala jumlah denda diperoleh RM3.52 juta dan jumlah kompaun adalah sebanyak RM7.48 juta," katanya.

Beliau berkata, berbanding tahun 2023, sebanyak 11,596 kes dihasilkan dengan nilai rampasan keseluruhan berjumlah RM104 juta.

"Selain itu, seramai 703



## PENCAPAIAN KPDN MENGUATKUASAKAN UNDANG-UNDANG PERDAGANGAN SEPANJANG 2024

- 1 Sebanyak **43,444** pemeriksaan dilakukan iaitu meningkat **11.29 peratus** berbanding sebelumnya.
- 2 Berjaya menghasilkan sebanyak **10,501 kes** dengan nilai rampasan **RM111.359 juta**.
- 3 Sebanyak **RM3.52 juta** denda dikenakan dan **RM7.48 juta** kompaun.
- 4 **703 suspek** termasuk warga asing ditahan atas pelbagai kesalahan.
- 5 Sebanyak **46,815 aduan** berjaya disiasat dan diselesaikan.
- 6 Rampasan bagi barang kawalan adalah **RM22.45 juta**.
- 7 Tindakan halangan akses (site blocking) atas **1,285 laman web**.
- 8 Berjaya menurunkan sebanyak **524 iklan**.

INFOGRAFIK **HMetro**

**Jumlah denda diperoleh RM3.52 juta dan kompaun sebanyak RM7.48 juta**  
**Azman Adam**

kan," katanya.

Beliau berkata, pelaksanaan Ops Tiris 3.0 juga memberi kesan signifikan dalam membanteras ketirisian barang kawalan bersubsidi membabitkan minyak diesel, petrol RON95, minyak masak peket 1kg, gas petroleum cecair (LPG), gula dan tepung gandum.

"Sepanjang tahun 2024, sebanyak 43,444 pemeriksaan dilakukan di seluruh negara dengan 2,727 kes dihasilkan. Jumlah nilai rampasan bagi barang kawalan RM22.45 juta manakala jumlah keseluruhan rampasan termasuk aset, peralatan dan sebagainya RM90.98 juta.

"Dalam tempoh sama juga, seramai 621 individu juga ditahan untuk siasatan," katanya.

Azman berkata, melalui pelaksanaan Op Kesan, KPDN mengambil tindakan proaktif dalam mengekang sebarang aktiviti kenaikan harga dan pengambilan keuntungan secara tidak munasabah (mencatut), rentetan daripada keputusan Kerajaan untuk melaksanakan kadar baharu cukai jualan dan perkhidmatan bermula 1 Mac 2024 serta pelaksanaan penyasararan subsidi bahan api diesel di Semenanjung Malaysia bermula 10 Jun 2024.

orang termasuk individu warganegara ditahan atas pelbagai kesalan sepanjang tahun 2024 berbanding 749 individu pada tahun 2023," katanya.

Azman berkata, bagi tempoh sama juga, sebanyak 46,815 aduan diterima berbanding 43,020 aduan pada tahun 2023.

"Semua aduan berjaya disiasat dan diselesaikan

"Bermula 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2024, sebanyak 390 Notis Bertulis di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipercutatan 2011 [Akta 723] dikeluarkan yang membabitkan peningka ga di pelbagai peringkat rantaian pengedaran bermula daripada peringkat pengeluar/pengilang hingga ke peringkat peruncit, merangkumi 1,040 jenis barang bagi mengesan sebarang aktiviti mencatut.

"Aktiviti e-dagang atau urus niaga secara dalam talian juga berkembang pesat dalam negara. Justeru usaha advokasi, pemantauan dan penguatkuasaan berterusan juga telah dilaksanakan oleh KPDN," katanya.

Beliau berkata, KPDN melalui Bahagian Penguat Kuasa akan terus menyokong dan bersama-sama dengan kerajaan sepanjang tahun 2025 dalam aspek penguatkuasaan undang-undang perdagangan bertaraskan agenda Ketangkasan Penguatkuasaan yang diilhamkan Menteri KPDN, Datuk Armizan Mohd Ali selain memastikan hak-hak pengguna terus dipelihara serta memaksimumkan pembabitan orang awam melalui inisiatif KITA GEMPUR.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR **UMUM**



Bot pukat tunda ditahan selepas disyaki menjalankan aktiviti penjualan minyak diesel bersubsidi nelayan tanpa permit di perairan laut Sajma, Kota Kinabalu. (Foto Juwan Riduan/BH)



Tangki yang diubah suai berisi minyak diesel ditemui dalam bot pukat tunda yang ditahan.

## PPM tahan bot pukat tunda jual diesel bersubsidi tanpa permit

**Kota Kinabalu:** Pasukan Polis Marin (PPM) menahan sebuah bot pukat tunda selepas disyaki menjalankan aktiviti penjualan diesel bersubsidi nelayan tanpa permit di kawasan laut Sajma, di sini, Jumaat lalu.

Bot pukat tunda itu ditahan bot ronda PPM Kota Kinabalu kira-kira jam 8 malam.

Komander PPM Wilayah Empat Sabah, Asisten Komisioner Nazri Ibrahim, berkata pemeriksaan menemukan beberapa tangki diubah suai berisi diesel.

"Dua tangki diubah suai dengan kapasiti 1,000 liter yang berisi kira-kira 2,000 liter diesel, manakala empat tangki

yang turut diubah suai dengan kapasiti 600 liter berisi 2,400 liter diesel.

"Dua lagi tangki diubah suai ditemui dengan kapasiti 800 liter berisi 1,600 liter diesel," katanya menerusi kenyataan, semalam.

Jumlah keseluruhan rampasan 6,000 liter diesel dianggar

bernilai RM163,500.

"Pasukan serbuan turut merampas peralatan untuk menjalankan aktiviti penjualan minyak berkenaan."

"Pemeriksaan lanjut mendapati penama gagal mengemukakan sebarang permit membeli, membawa dan memasarkan diesel bersubsidi nelayan dari-

pada pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN)," katanya.

Pasukan serbuan kemudian membuat tangkapan dan rampan dibawa ke Pangkalan PPM Kota Kinabalu untuk tindakan siasatan lanjut.

Kes disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961.



DITAHAN .... Bot tunda berkenaan ditahan untuk siasatan lanjut.

## bot pukat tunda ditahan jual diesel bersubsidi tanpa permit

KOTA KINABALU: Sebuah bot pukat tunda ditahan selepas disyaki menjalankan penjualan minyak diesel bersubsidi nelayan tanpa permit.

Bot berkenaan ditahan kira-kira jam 8 malam oleh Pasukan Polis Marin (PPM) selepas berjaya dikesan di kawasan laut Safma, di sini, Jumaat lalu.

Komander PPM Wilayah Empat Sabah, Asisten Komisioner Nazri Ibrahim berkata, sebaik ditahan, pemeriksaan mendapati beberapa tangki di atas bot berkenaan telah diubah suai dan berisi minyak diesel.

Katanya, dua tangki min-

yak telah diubah suai dan mampu menampung kapasiti 2,000 liter minyak diesel.

"Manakala empat lagi tangki turut diubah suai dengan kapasiti 600 liter dalam keadaan berisi penuh minyak diesel.

"Dua lagi tangki minyak berkapasiti 800 liter turut berisi penuh minyak diesel," katanya dalam kenyataan media, semalam.

Menurutnya, jumlah keseluruhan rampasan minyak diesel sebanyak 6,000 liter yang dianggarkan bernilai keseluruhan RM163,500.


Katanya, pasukan serbu-

alan untuk menjalankan aktiviti penjualan minyak berkenaan.

"Penama bot turut gagal mengemukakan sebarang permit membeli, membawa dan memasarkan minyak diesel bersubsidi nelayan daripada pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)," katanya.

"Pasukan serbuan kemudiannya menahan dan merampas semua minyak diesel untuk tindakan siasatan lanjut," katanya.

Nazri berkata, siasatan lanjut sedang dijalankan mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961.



UBAH SUAI .... Bot tunda berkenaan diubahsuai untuk menampung minyak diesel berkapasiti tinggi.

## PPM tahan bot pukat tunda jual diesel tanpa permit

Oleh Hamzah Sanudin

### KOTA KINABALU:

Sebuah bot pukat tunda ditahan selepas disyaki menjalankan aktiviti penjualan minyak diesel bersubsidi nelayan tanpa permit di kawasan laut Safma, di sini, Jumaat lalu.

Bot pukat tunda itu ditahan oleh Pasukan Polis Marin (PPM) Kota Kinabalu ketika membuat rondaan di kawasan berkenaan, kira-kira jam 8 malam.

Komander PPM Wilayah Empat Sabah, Asisten Komisioner Nazri Ibrahim berkata, hasil pemeriksaan lanjut menemukan beberapa tangki yang diubah suai berisi minyak diesel.

Katanya, pasukan PPM mendapati dua tangki minyak diubah suai dengan kapasiti 1,000 liter yang berisi minyak diesel kira-

kira 2,000 liter.

Menurutnya, empat lagi tangki minyak turut diubah suai dengan kapasiti 600 liter yang berisi minyak diesel 2,400 liter.

“Dua tangki minyak turut ditemukan diubah suai dengan kapasiti 800 liter berisi minyak diesel 1,600 liter,” katanya dalam kenyataan media, semalam.

Beliau berkata, pasukan serbuan turut merampas peralatan untuk menjalankan aktiviti penjualan minyak berkenaan.

Katanya, penama juga gagal mengemukakan sebarang permit membeli, membawa dan memasarkan minyak diesel bersubsidi nelayan daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN).

## PPM tahan bot pukat tunda jual diesel tanpa permit

### ► Dari Muka 1

“Jumlah keseluruhan rampasan minyak diesel sebanyak 6,000 liter yang dianggarkan bernalai

RM163,500,” katanya.

Sementara itu, Nazri berkata, pasukan serbuan kemudian membuat tangkapan dan rampasan seterusnya dibawa ke

Pangkalan PPM Kota Kinabalu untuk tindakan siasatan lanjut.

“Kes disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961,” katanya.

### ► Lihat Muka 2



**RAMPAS:** Bot pukat tunda yang ditahan selepas disyaki menjalankan aktiviti penjualan minyak diesel bersubsidi nelayan.

## PPM tahan bot pukat tunda jual diesel tanpa permit

**KOTA KINABALU:** Sebuah bot pukat tunda ditahan selepas disyaki menjalankan aktiviti penjualan minyak diesel bersubsidi nelayan tanpa permit di kawasan laut Safma, di sini, Jumaat lalu.

Bot pukat tunda itu ditahan oleh Pasukan Polis Marin (PPM) Kota Kinabalu ketika membuat rondaan di kawasan berkenaan, kira-kira jam 8 malam.

Komander PPM Wilayah Empat Sabah Asisten Komisioner Nazri Ibrahim berkata, hasil pemeriksaan lanjut menemukan beberapa tangki yang diubah suai berisi minyak diesel.

Katanya, pasukan PPM mendapat dua tangki minyak diubah suai dengan kapasiti 1,000 liter yang berisi minyak diesel kira-kira 2,000 liter.



**RAMPAS:** Bot pukat tunda yang ditahan selepas disyaki menjalankan aktiviti penjualan minyak diesel bersubsidi nelayan.

Menurutnya, empat lagi tangki minyak turut diubah suai dengan kapasiti 600 liter yang berisi minyak diesel 2,400 liter.

“Dua tangki minyak turut ditemukan diubah suai den-

gan kapasiti 800 liter berisi minyak diesel 1,600 liter,” katanya dalam kenyataan media, semalam.

Beliau berkata, pasukan serbuhan turut merampas peralatan untuk menjalankan

aktiviti penjualan minyak berkenaan.

Katanya, penama juga gagal mengemukakan sebarang permit membeli, membawa dan memasarkan minyak diesel bersubsidi nelayan daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN).

“Jumlah keseluruhan rampasan minyak diesel sebanyak 6,000 liter yang dianggarkan bernilai RM163,500,” katanya.

Sementara itu, Nazri berkata, pasukan serbuhan kemudian membuat tangkapan dan rampasan seterusnya dibawa ke Pangkalan PPM Kota Kinabalu untuk tindakan siasatan lanjut.

“Kes disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961,” katanya.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 13 JANUARI 2025			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
13-Jan	Polis Marin tahan 5 lelaki pindah diesel secara haram di Kuala Kedah	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/01/1174895/polis-marin-tahan-5-lelaki-pindah-diesel-sekala-haram-di-kuala-kedah">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/01/1174895/polis-marin-tahan-5-lelaki-pindah-diesel-sekala-haram-di-kuala-kedah</a>	HARIAN METRO
13-Jan	MOT tidak ada kuasa kawal kenaikan tambang bas sekolah	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2025/01/mot-tidak-ada-kuasa-kawal-kenaikan-">https://www.utusan.com.my/nasional/2025/01/mot-tidak-ada-kuasa-kawal-kenaikan-</a>	UTUSAN MALAYSIA
13-Jan	Loke: Fare hike decision rests with PTA and school bus operators	<a href="https://www.nst.com.my/news/nation/2025/01/1158944/loke-fare-hike-decision-rests-pta-and-school-bus-operators">https://www.nst.com.my/news/nation/2025/01/1158944/loke-fare-hike-decision-rests-pta-and-school-bus-operators</a>	NEW STRAITS TIMES
13-Jan	Lagi kes kena tipu skim pelaburan mesin layan diri	<a href="https://www.kosmo.com.my/2025/01/10/lagi-kes-kena-tipu-skim-pelaburan-mesin-layan-diri">https://www.kosmo.com.my/2025/01/10/lagi-kes-kena-tipu-skim-pelaburan-mesin-layan-diri</a>	KOSMO
13-Jan	Sindiket seleweng 3,000 liter petrol tumpas	<a href="https://www.kosmo.com.my/2025/01/12/sindiket-seleweng-3000-liter-petrol-tumpas/">https://www.kosmo.com.my/2025/01/12/sindiket-seleweng-3000-liter-petrol-tumpas/</a>	KOSMO
13-Jan	KPDN Semporna tumpaskan sindiket penyelewengan petrol	<a href="https://sabahmedia.com/2025/01/12/kpdn-semporna-tumpaskan-sindiket-penyelewengan-petrol">https://sabahmedia.com/2025/01/12/kpdn-semporna-tumpaskan-sindiket-penyelewengan-petrol</a>	SABAH MEDIA
13-Jan	KPDN Semporna gagalkan cubaan seludup 3,000 liter petrol bersubsidi	<a href="https://sabahgazette.com/kpdn-semporna-gagalkan-cubaan-seludup-3000-liter-petrol-bersubsidi">https://sabahgazette.com/kpdn-semporna-gagalkan-cubaan-seludup-3000-liter-petrol-bersubsidi</a>	SABAH GAZETTE

13-Jan	Trawler caught selling subsidised diesel illegally, RM163,500 worth seized	<a href="https://www.nst.com.my/news/nation/2025/01/1159747/trawler-caught-selling-subsidised-diesel-illegally-">https://www.nst.com.my/news/nation/2025/01/1159747/trawler-caught-selling-subsidised-diesel-illegally-</a>	NEW STRAITS TIMES
13-Jan	Ubah suai tangki minyak untuk seleweng diesel gagal	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/706739/berita/semasa/ubah-suai-tangki-minyak-untuk-">https://www.sinarharian.com.my/article/706739/berita/semasa/ubah-suai-tangki-minyak-untuk-</a>	SINAR HARIAN
13-Jan	Bot pukat tunda ditahan, 6,000 liter diesel subsidi dirampas	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/bot-pukat-tunda-ditahan-6000-liter-diesel-subsidi-dirampas">https://www.buletintv3.my/nasional/bot-pukat-tunda-ditahan-6000-liter-diesel-subsidi-dirampas</a>	BULETIN TV3
13-Jan	PPM tahan bot pukat tunda jual diesel bersubsidi neelayan tanpa permit	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2025/01/12/ppm-tahan-bot-pukat-tunda-jual-diesel-bersubsidi-neelayan-tanpa-permit">https://www.utusanborneo.com.my/2025/01/12/ppm-tahan-bot-pukat-tunda-jual-diesel-bersubsidi-neelayan-tanpa-permit</a>	UTUSAN BORNEO
13-Jan	PPM tahan bot pukat tunda jual diesel bersubsidi neelayan tanpa permit	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/01/1175709/ppm-tahan-bot-pukat-tunda-jual-diesel-bersubsidi-neelayan-tanpa-permit">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/01/1175709/ppm-tahan-bot-pukat-tunda-jual-diesel-bersubsidi-neelayan-tanpa-permit</a>	HARIAN METRO
13-Jan	Polis Marin Sabah rampas minyak diesel bersubsidi bernilai RM163,500	<a href="https://sabahmedia.com/2025/01/12/polis-marin-sabah-rampas-minyak-diesel-bersubsidi-">https://sabahmedia.com/2025/01/12/polis-marin-sabah-rampas-minyak-diesel-bersubsidi-</a>	SABAH MEDIA